

6 program baharu

BINTULU 10 Mac - Universiti Putra Malaysia (UPM) merancang memperkenalkan enam program baharu di Kampus Bintulu di sini dalam masa terdekat selaras dengan usahanya untuk menawarkan lebih banyak program pengajian yang menjunjung aspirasi negara.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, daripada enam program tersebut, dua ialah program peringkat ijazah sarjana muda iaitu Sains Perhutanan dan Sains (Pengembangan dan Pembangunan).

Katanya, empat lagi ialah program peringkat diploma iaitu Kejuruteraan (Pemprosesan dan Pembungkusan Makanan), Rekreasi dan Ekopelancongan, Pengurusan Perniagaan serta Tanaman Perladangan.

“Dengan penambahan program baharu ini, secara tidak langsung akan meningkatkan jumlah tawaran pengajian keseluruhan daripada sembilan kepada 15 program pengajian.

“Kampus ini juga akan meningkatkan penawaran bidang pengajian pada peringkat Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana Sains,” katanya semasa memberikan ucapan sembah taklimat pada majlis perasmian UPM Kampus Bintulu di sini hari ini.